

PERANCANGAN BESTARI DALAM “HIKAYAT KHOJA MAIMUN”: APLIKASI PRINSIP PERANCANGAN DALAM PENDEKATAN PENGURUSAN

(*Smart Planning in the Saga of Khoja Maimun: Applications of Principles in Planning Management Approach*)

Sara Beden

sara.beden@ipgmktar.edu.my

Jabatan Pengajian Melayu,
Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak,

Tarikh terbit (published on): 1 Jun 2018

To cite: Sara Beden. (2018). Perancangan bestari dalam “Hikayat Khoja Maimun”: Aplikasi prinsip perancangan dalam pendekatan pengurusan. *Malay Literature* 31(1), 69-97.

Abstrak

Makalah ini bertujuan menganalisis strategi penyelesaian masalah yang berhubung dengan isu moral dalam prosa tradisional “Hikayat Khoja Maimun” daripada dimensi prinsip perancangan dalam pendekatan pengurusan yang merupakan salah satu pendekatan dalam dunia kritikan sastera tanah air. Kaedah yang diaplikasikan dalam kajian ini ialah kaedah kualitatif dengan memberikan fokus terhadap analisis teks. Analisis ini mengaplikasikan aspek perancangan dalam model prinsip perancangan berlandaskan empat peristiwa yang telah diklasifikasikan dalam “Hikayat Khoja Maimun”. Dapatkan analisis menunjukkan pembentukan strategi penyelesaian masalah yang bervariasi oleh watak Bayan bagi mengatasi masalah atau isu moral berhubung dengan pelanggaran moral dan etika oleh watak Bibi Zainab. Berdasarkan analisis, strategi yang digunakan ialah pujian dan sokongan, teknik analogi peribadi, bercerita atau berhikayat, pertanyaan, membuat kritikan dan sokongan, menarik perhatian dan memberikan nasihat. Pembentukan strategi penyelesaian masalah yang bervariasi ini memperlihatkan bahawa perancangan bestari dan sistematis amat signifikan, dan dapat mengungkapkan kebijaksanaan

daya intelektual dan ketajaman pengamatan pemikiran dalam sastera rakyat.

Kata kunci: strategi penyelesaian masalah, “Hikayat Khoja Maimun”, model prinsip perancangan, perancangan bestari, bervariasi, analogi, berhikayat

Abstract

This paper aims to analyze the problem solving strategies in relation to moral issues in the traditional prose of Hikayat Khoja Maimun according to the planning principles that are part of the 'management approach'; one of the methods of analysis in the world of literary criticism in our country. The method of research is qualitative, with focus on text analysis. Applying aspects of the aforementioned planning principles, four events are analyzed that have been taken from the Hikayat Khoja Maimun. The results of the analysis showed that the problem-solving strategies used by Bayan's character to overcome problems or moral issues with regards to the character of Zainab Bibi's violation vary in terms of morality and ethic. The strategy formed is based on the use of praise and support, personal analogy technique, storytelling or saga, questions, criticism and support, attracting attention and providing advice. The variation of formation in problem-solving strategies shows that systematic and smart planning is very significant in the analysis of data besides revealing the wisdom of intellectual power and insightful thinking in folk literature.

Keywords: problem solving strategies, “Hikayat Khoja Maimun”, model of planning principles, smart planning, variation, analogy

PENGENALAN

Perancangan yang baik hasil daripada pemikiran yang kritis dan mencakupi daya kreativiti, imaginasi dan pengamatan tajam yang difikirkan oleh individu atau kumpulan untuk merealisasikan objektif yang ingin dicapai. Perancangan merupakan elemen penting dalam pengurusan. Rahim (1988, p. 6) dalam bukunya bertajuk *Asas Pengurusan*, menjelaskan bahawa konsep pengurusan sebagai “aktiviti yang melibatkan usaha merancang, mengorganisasi, memimpin, dan mengawal serta melibatkan anggota dalam organisasi untuk sama-sama berusaha ke arah mencapai matlamat”. Berdasarkan pandangan ini perancangan didapati merupakan unsur penting

dalam pengurusan selain mengambil kira faktor lain bagi memastikan sesuatu objektif tercapai. Idea dan konsep asas inilah yang telah diterap, diadun, disusun dan digariskan oleh Mohamad Mokhtar (2013) dalam pendekatan pengurusan yang dipeloporinya dalam dunia kritikan sastera tanah air. Pendekatan ini didapati relevan untuk menganalisis karya sastera sama ada moden mahupun tradisi kerana dapat merungkaikan aspek pengurusan yang dipraktikkan dalam teks.

Syed Abdullah (2012) mendapati tradisi lisan¹ merupakan khazanah warisan budaya bangsa yang tidak ternilai harganya. Peranan dan sumbangannya ke arah membina dan membentuk budi fikir dan budi rasa dalam masyarakat tradisi tiada tandingannya. Beliau menegaskan bahawa peranan sastera rakyat wajar dinilai melebihi daripada satu subjek kepada satu disiplin ilmu yang memberikan sumber ilmu yang bermanfaat kepada khalayak pembaca.

Tengku Intan Marlina (2014) pernah membincangkan usaha yang diambil untuk memperkasakan cerita rakyat di tengah-tengah ledakan era modenisasi dan globalisasi. Usaha ini memperlihatkan perkembangan yang positif untuk mengangkat martabat kesusasteraan rakyat pada era modenisasi yang semakin terpinggir dan terhakis oleh sikap dan paradigma masyarakat moden yang memandang sepi warisan budaya Melayu. Hakikatnya, sastera tradisi zaman silam memiliki nilai tambah yang mampu mengangkat martabat sastera tanah air sebagai warisan bangsa yang bernilai. Azman Ismail dalam *Utusan Melayu* yang bertarikh 08.09.1999 telah memetik pendapat Siti Hawa dalam Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Bandingan anjuran Dewan Bahasa Pustaka dan Majlis Sastera Asia Tenggara (Mastera), di Kuala Lumpur pada tahun 1999 yang menegaskan bahawa, “Walaupun wujud karya moden dengan serba-serbi unsur sastera, namun kebergantungan kepada sastera tradisional tidak dapat dielakkan”. Pandangan ini menunjukkan pengaruh sastera ini dalam kehidupan semasa tetap berkembang. Sastera tradisional memiliki keistimewaan dan pengaruhnya sepanjang zaman, yang tak lekang dek panas, dan tak lapuk dek hujan.

Sehubungan dengan itu, Mohamad Mokhtar (2013) dalam makalahnya yang bertajuk, “Pendekatan Pengurusan: Satu Metode dalam Kritikan Sastera” berpendapat bahawa sastera tradisional menampakkan pengaplikasian prinsip pengurusan seperti perancangan, kepimpinan, pengorganisasian, penstafan dan pengawalan. Sastera rakyat khususnya cerita rakyat Melayu lahir sebagai simbolik kreativiti pemikiran kritis dan kreatif masyarakat Melayu tradisi. Tradisi lisan telah membawa transformasi keintelektualan dan anjakan paradigma dalam kesusasteraan di alam Melayu. Sastera

lisan ini kemudiannya telah dirakamkan dan berkembang dalam bentuk pendokumentasian. Hakikatnya, prosa tradisional amat kaya dengan unsur didaktik, etika dan nilai yang menjadi wahana untuk mengajar, mendidik, menyindir, menasihat dan menegur golongan tertentu. Prosa tradisional berfungsi sebagai alat pendidikan, alat pengawal norma masyarakat dan sistem projeksi masyarakatnya. Walau bagaimanapun, di sebalik nilai moral, etika dan didaktik yang terdapat dalam cerita rakyat tradisional terdapat aspek penting yang wajar diteliti, iaitu pengurusan. Mohamad Mokhtar (2016) menegaskan bahawa perancangan merupakan aktiviti asas yang berbentuk fizikal dan mental yang mesti dilakukan terlebih dahulu bagi menjayakan sesuatu matlamat.

Azman (2003), dalam bukunya, “Pengurusan Malaysia: Dari Perspektif Islam” mentakrifkan perancangan sebagai satu proses menentukan objektif yang dikehendaki, dan seterusnya membina strategi tindakan yang sesuai dan terbaik dengan mengambil kira faktor dalaman organisasi dan persekitaran luaran yang akan mempengaruhi sesebuah organisasi untuk mencapai objektif tersebut. Sementara itu, *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2007) mentakrifkan “merancang” sebagai “proses merencanakan atau mempersiapkan”. Berdasarkan pandangan dan takrifan ini, dapat dirumuskan bahawa perancangan merupakan proses untuk mencapai objektif dan matlamat yang perlu disertai dengan strategi dan tindakan agar perencanaan yang diatur membawa kejayaan.

Perancangan yang dilaksanakan dengan teliti dan sistematik sudah tentu dapat mencapai matlamat dan objektif yang ditetapkan dalam perancangan. Jika sebaliknya, maka matlamat tidak akan tercapai seperti kegagalan Lebai Malang menghadiri kedua-dua kenduri dalam cerita jenaka Lebai Malang. Jika disorot, kegagalan Lebai Malang bukan kerana sikap tamak, tetapi disebabkan kegalangannya merancang dan memikirkan strategi yang terbaik untuk mencapai matlamatnya. Sementara itu, watak epik cerita binatang, iaitu Sang kancil terkenal dengan kejayaannya mengalahkan binatang yang lain, termasuklah binatang yang bersaiz fizikal lebih besar daripadanya seperti harimau dan buaya. Kejayaan ini bukan hanya kerana kecerdikannya, tetapi yang lebih signifikan ialah perancangannya yang strategik dan sistematik. Kewujudan pengurusan, khususnya aspek perancangan dalam sastera tradisi seperti dalam cerita binatang dan jenaka, menginterpretasikan bahawa masyarakat tradisi memiliki sistem dan proses kehidupan yang teratur dan tertib. Diskusi tentang kelebihan, kekuatan, keistimewaan sastera tradisional sebagai wahana komunikasi, penjanaan kebijaksanaan, merangsang proses

kognitif dan sumber ilmu turut dikongsikan oleh Muhd Norizam dan Shaiful Bahri (2015, p. 192) yang menyatakan bahawa:

Karya-karya kesusasteraan Melayu tradisional memainkan peranan penting dalam menyampaikan sesuatu mesej dan seterusnya menjana kebijaksanaan insan. Elemen kebijaksanaan ini disampaikan melalui pelbagai bentuk ilmu yang terkandung dalam teks kesusasteraan Melayu tradisional untuk dicerap dan dicerna oleh akal khalayaknya.

Dapat dijelaskan bahawa pendekatan pengurusan dapat merungkaikan budaya pemikiran tinggi dalam khazanah tradisi lisan masyarakat tradisi. Prinsip perancangan khususnya dalam pendekatan ini memaparkan perancangan yang sistematik dalam usaha membentuk strategi penyelesaian masalah sehingga objektif tercapai.

Secara amnya, makalah ini akan menjelaskan strategi penyelesaian masalah dalam “Hikayat Khoja Maimun” berdasarkan dimensi prinsip perancangan dalam pendekatan pengurusan yang diketengahkan oleh Mohamad Mokhtar (2013). Secara khususnya, makalah ini bertujuan untuk menganalisis perancangan bestari berdasarkan strategi penyelesaian masalah dalam “Hikayat Khoja Maimun” dengan menggunakan model prinsip perancangan.

PENGAPLIKASIAN PENDEKATAN PENGURUSAN

Mohamad Mokhtar (2013) telah mengetengahkan pendekatan baharu dalam dunia kritikan sastera yang dikenali sebagai pendekatan pengurusan. Syarahan perdana tentang diskusi pendekatan ini telah dianjurkan oleh Jabatan Kesusasteraan, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya bertempat di Dewan Semarak, Akademi Pengajian Melayu dan berlangsung pada 4 Ogos 2016. Menerusi syarahan perdana ini Mohamad Mokhtar telah menyampaikan syarahan dengan menjelaskan kepentingan mengetengahkan satu pendekatan baharu dalam dunia kritikan sastera. Beliau telah berkongsi idea dan kajian yang telah beliau lakukan terhadap genre sastera tradisional dan moden dengan mengaplikasikan prinsip pengurusan. Syarahan perdana ini merupakan usaha yang beliau ambil sebagai platform untuk mengetengahkan pendekatan pengurusan ini kepada para ilmuwan dan penyelidik. Mohamad Mokhtar (2016, p. 3) menegaskan bahawa pelbagai pendekatan kritikan sastera yang muncul dalam dunia kritikan sastera tanah air, namun sehingga kini belum ada kritikan kesusasteraan di Malaysia yang menggunakan pendekatan pengurusan. Tambah beliau, kemunculan pendekatan ini bukan sahaja

menjadikan dunia kritikan sastera lebih menarik, bahkan dapat mendidik dan menyedarkan khalayak betapa pentingnya pengurusan dalam hal membina kehidupan manusia secara tersusun dan teratur.

Kajian awal yang memanfaatkan pendekatan pengurusan² dalam karya sastera rakyat dapat diteliti dalam kertas kerja Mohamad Mokhtar (2013) yang bertajuk “Pendekatan Pengurusan: Satu Metode dalam Kritikan Sastera”. Perbincangan dalam kertas kerja ini memfokuskan prinsip perancangan, iaitu salah satu prinsip di bawah pendekatan pengurusan. Daripada kajian didapati di sebalik nilai moral dan didaktik yang terpancar dalam cerita rakyat terdapat unsur pengurusan, iaitu aspek perancangan yang dikesan dalam cerita “Sang Kancil dengan Buaya”. Prinsip perancangan ini diteliti oleh pengkaji berdasarkan dimensi perancangan yang dibentuk, iaitu menetapkan objektif, membentuk strategi, pilihan alternatif, menilai langkah-langkah alternatif, memilih cara dan kajian semula. Mohamad Mokhtar mendapati keberkesanan dimensi perancangan membolehkan matlamat dan strategi yang dirancang oleh Sang Kancil tercapai. Penelitian secara kritis dalam kajian Mohamad Mokhtar mendapati Sang Kancil berjaya mencapai objektifnya untuk menyeberangi sungai bertitik tolak atas faktor pengurusannya, iaitu aspek perancangan yang sistematik dan teliti. Kewujudan unsur pengurusan yang signifikan dalam cerita “Sang Kancil dengan Buaya” oleh pengkaji ini memperlihatkan keistimewaan prinsip perancangan dalam pendekatan pengurusan untuk menyelesaikan sesuatu masalah yang bersangkutan dengan kehidupan.

Prinsip perancangan dalam pendekatan pengurusan juga telah diaplikasikan oleh Mohamad Zuber dan Mohamad Mokhtar (2014a) dengan meneliti prinsip perancangan berdasarkan cerita rakyat. Cerita rakyat yang menjadi fokus kajian ialah cerita binatang, seperti Sang Kancil, Sang Kerbau dan Sang Buaya, dan cerita jenaka seperti cerita Si Luncai dan Pak Belalang. Dimensi perancangan yang menjadi fokus dalam kajian ini termasuklah menetapkan matlamat, membentuk strategi, pilihan alternatif, memilih cara dan mengkaji semula. Dapatkan analisis³ ini menunjukkan bahawa matlamat, visi, misi dalam kehidupan dapat dicapai sekiranya kita berfikir secara rasional, kritis dan logik, bertindak pantas, mengenal pasti sasaran, mengatur strategi dan bijak merencanakan perancangan dalam kehidupan.

Walaupun pendekatan ini lahir bukan sebagai alat kemahiran berfikir kritis dalam pedagogi pendidikan seperti alat kemahiran berfikir Taksonomi Bloom, semakan semula oleh Anderson, L. W., & Krathwohl D. R. (2001) yang menggariskan enam aras kemahiran berfikir daripada rendah kepada

tinggi. Taksonomi Solo oleh Biggs & Collis. (1982) mengetengahkan pelbagai kaedah berfikir termasuklah pemikiran meluas, *Habits of Mind* oleh Costa & Hallick (2000) yang mengemukakan 16 tabiat berfikir dalam proses menyelesaikan masalah. *Six Thinking Hats* oleh De Bono, E. (2006) mengemukakan enam fungsi topi yang berlainan warna, pengadaptasian dan pengaplikasiannya mampu memugar, mencungkil daya fikir aras tinggi dan merangsang proses berfikir dalam mental individu sehingga membentuk perancangan bestari yang bersifat sejagat.

Mohamad Zuber, Sara dan Mohamad Mokhtar (2014b), membincangkan aspek pengurusan dalam artikel jurnal yang bertajuk “Keintelektualan Pemikiran Melayu dalam Cerita Lipur Lara”. Perbincangan dalam artikel ini memberikan fokus terhadap prinsip kepimpinan dengan menggunakan teks *Hikayat Awang Sulung Merah Muda* (HASMM). Kepimpinan ini dianalisis berdasarkan empat dimensi, iaitu pentadbiran, pendidikan, tanggungjawab sosial dan ekonomi. Hasil analisis menunjukkan bahawa dimensi tanggungjawab sosial yang dimanifestasikan oleh watak utama dan watak pembantu amat signifikan dalam memperlihatkan ketaatan dan kesetiaan yang tidak berbelah-bahagi kepada pemerintah. Dimensi pentadbiran turut menonjol dalam HASMM dengan memperlihatkan ciri-ciri pentadbir yang bijaksana, cekap, gagah, berani dan berwawasan dalam hal mengurus pentadbiran. Dapatkan ini menunjukkan bahawa prinsip kepimpinan turut signifikan pengaplikasiannya dalam cerita lipur lara atas faktor pengurusan bestari yang dibudayakan oleh pemerintahnya.

Sara (2017) telah mengaplikasikan prinsip perancangan dalam kertas kerja yang bertajuk “Budaya Perancangan dalam Cerita Penglipur Lara: Analisis Berdasarkan Hikayat Khoja Maimun”. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa budaya perancangan oleh watak Bayan dalam menyelamatkan rumah tangga tuannya menunjukkan penghayatan dan pembudayaan watak ini terhadap nilai kemanusiaan dan tanggungjawab sosialnya sebagai ahli masyarakat.

Pendekatan pengurusan ini menuntut individu untuk berfikir dan mengatur strategi yang bijak, kritis dan logik dalam perencanaan bagi memastikan perancangan berjaya. Pendekatan pengurusan menerusi prinsip perancangan memperlihatkan perancangan yang lebih sistematik, jelas dan terancang berdasarkan enam dimensi atau peringkat perancangan yang telah ditetapkan. Dimensi perancangan ini dapat memugar daya fikir sehingga berlakunya operasi minda dalam diri individu sehingga terbentuknya strategi penyelesaian masalah dengan mengambil kira semua faktor sedia

ada, dan mendalilkan bahawa sudah berlaku proses pemikiran tinggi untuk menyelesaikan sesuatu isu.


KERANGKA PENDEKATAN

Pendekatan pengurusan mengandungi lima prinsip, iaitu perancangan, kepimpinan, pengorganisasian, penstafan dan kawalan (Mohamad Mokhtar, 2013). Pendekatan ini dirumuskan dalam Rajah 1.

Prinsip-prinsip ini terbahagi kepada beberapa dimensi dan peringkat tertentu untuk menganalisis bahan sastera. Walau bagaimanapun, makalah



Rajah 1 Pendekatan pengurusan.



Rajah 2 Dimensi prinsip perancangan.


ini hanya mengaplikasikan prinsip perancangan sebagai landasan analisis. Prinsip perancangan dapat diteliti berdasarkan peringkat perancangan, iaitu (1) menetapkan objektif, (2) membentuk strategi, (3) pilihan alternatif, (4) menilai langkah-langkah alternatif, (5) memilih satu cara dan (6) kajian semula. Peringkat atau dimensi perancangan ini merupakan satu entiti yang sangat penting untuk merealisasikan matlamat sesuatu pemikiran dan tindakan, dalam usaha menjelaskan prinsip perancangan, mekanisme spesifikasi untuk meneliti pemikiran dan tindakan watak dimanifestasikan oleh dimensi perancangan yang telah dibentuk untuk mencapai sesuatu objektif. Perincian prinsip perancangan ini diteliti berdasarkan dimensi perancangan seperti dalam Rajah 2.

Peringkat atau dimensi perancangan ini menginterpretasikan strategi penyelesaian masalah bagi mencapai sesuatu matlamat dan objektif. Perbincangan dalam pendekatan ini meneliti kemampuan dan keupayaan watak merealisasikan objektif yang disasarkan berdasarkan dimensi perancangan yang dipraktikkan untuk meneliti kejayaan perancangan tersebut. Dalam pelaksanaan perancangan ini, dimensi dalam prinsip perancangan dijadikan kriteria untuk menentukan tahap kecekapan dan kebijaksanaan daya fikir watak dalam perencanaan sesuatu perancangan, dan seterusnya mencapai objektif secara sistematik dan efisien.

MODEL PRINSIP PERANCANGAN

Perbincangan dalam makalah ini menggunakan model dimensi perancangan (MDP), iaitu model yang terbentuk hasil daripada tiga proses, iaitu pengekalan, penggabungan dan penambahan berdasarkan enam dimensi dalam prinsip perancangan. Dimensi 1 dan 2 dalam model ini dikekalkan atas faktor kedua-duanya ini wajib ada bagi memastikan perancangan menjadi teratur dan sistematik. Kedua-dua dimensi ini menuntut berlakunya proses berfikir aras tinggi dalam diri individu bagi menetapkan objektif dan membentuk strategi penyelesaian masalah berdasarkan isu yang wujud.

Walau bagaimanapun, melalui proses penggabungan, dimensi 3, dimensi 4 dan dimensi 6 telah dikombinasikan menjadi dimensi 3. Penggabungan ini dilakukan atas faktor ketiga-tiga dimensi ini sinonim dan relevan dikombinasikan agar tidak berlaku pertindihan dari segi pengaplikasian dimensi. Tambahan pula dimensi 6, iaitu kajian semula kedudukannya kurang relevan dan lebih wajar diletakkan dalam dimensi 3 seperti dalam MDP agar dimensi 2 dapat dikaji keberkesanannya. Dimensi 5 kekal, tetapi



Rajah 3 Model dimensi perancangan (MDP).

kedudukannya menjadi dimensi 4, iaitu memilih strategi dalam model yang baru. Dimensi 5 ditambah dalam MDP ini dengan tujuan untuk menilai dimensi 1, 2, 3 dan 4, iaitu bagi memastikan strategi perancangan dapat mencapai objektif. Model baharu yang terbentuk hasil daripada tiga proses tersebut dipaparkan dalam Rajah 3.

Dalam membuat perancangan, harus bermula dengan dimensi 1, iaitu menetapkan objektif, atau tujuan yang hendak dicapai dalam perancangan menyelesaikan sesuatu isu atau masalah dengan andaian sesuatu isu memang wujud. Kemudian diteruskan dengan dimensi 2, iaitu pembentukan strategi yang digunakan atau diaplikasikan untuk menyelesaikan masalah yang wujud. Seterusnya, dimensi 3, iaitu proses mengkaji semula strategi yang telah dibentuk dan diaplikasi dalam dimensi 2. Penilaian semula strategi yang telah dibentuk dilakukan bagi memastikan sama ada strategi tersebut berkesan atau sebaliknya. Sekiranya strategi tersebut berkesan maka akan diguna pakai, dan diperkuuh untuk menyelesaikan isu, selain mencapai objektif yang telah ditetapkan dalam dimensi 1. Sekiranya strategi dalam dimensi 2 yang telah dikaji semula dalam dimensi 3 itu relevan maka strategi ini dipilih kerana relevan dalam perancangan untuk menyelesaikan masalah. Dimensi 5, iaitu pencapaian objektif ditambah dalam model perancangan ini supaya penilaian terhadapnya dapat dilakukan dengan lebih sistematik.

BAHAN KAJIAN

“Hikayat Khoja Maimun” merupakan prosa tradisional dalam *Antologi Harga Remaja* (2009) yang menampilkan tema tentang kepentingan nilai etika yang harus diberikan perhatian sewajarnya oleh golongan wanita. Dalam hikayat ini burung Bayan telah diangkat dan dipilih sebagai jurucakap untuk menyampaikan kritikan dan sekali gus menasihati golongan wanita agar menumpahkan kesetiaan dan menjaga maruah diri apabila ditinggalkan oleh suaminya yang keluar untuk bekerja atau berdagang. Prosa klasik yang berlebaran sepanjang 26 halaman (69-94) ini merupakan paparan dan garapan keintelektualan minda dalam kalangan masyarakat tradisi sejak zaman silam. Makalah ini memberikan fokus terhadap data perbualan yang melibatkan watak Bayan dan isteri saudagar Khoja Maimun yang bernama Bibi Zainab (selepas ini BZ). Perbualan yang berkisar antara dua watak ini diklasifikasikan kepada beberapa peristiwa. Data dikodkan berdasarkan tajuk cerita, nombor peristiwa dan nombor strategi, seterusnya halaman. Misalnya, HKM-P1s1-H75. HKM (“Hikayat Khoja Maimun”) P1s1 merujuk peristiwa satu dan strategi satu, manakala H75 pula bermaksud halaman tujuh puluh lima. Tujuan pengekodan adalah untuk memudahkan proses pengenalpastian data. Jadual 1 menunjukkan peristiwa dalam hikayat ini yang telah diklasifikasikan dan mengalami proses pengekodan.

Peristiwa berdasarkan dimensi perancangan 1 hingga 4 yang telah diklasifikasikan ini dianalisis dengan menggunakan model prinsip perancangan

Jadual 1 Klasifikasi peristiwa *Hikayat Khoja Maimun*.

Ekstrak <i>Hikayat Khoja Maimun</i>	Peristiwa
1	Dimensi Perancangan Hari Pertama (HKM-P1s1-H75, HKM-P1s2-H76 & HKM-P1s3-H80)
2	Dimensi Perancangan Hari Pertama (HKM-P1s1-H75, HKM-P1s2-H76 & HKM-P1s3-H80)
3	Dimensi Perancangan Hari Ketiga (HKM-P3s1-H84, HKM-P3s2-H84, HKM-P3s3-H84 & HKM-Ps43-H84)
4	Dimensi Perancangan Hari Keempat (HKM-P4s1-H94, HKM-P4s2-H94 & HKM-P4s3-H94)

dalam pendekatan pengurusan bagi meneliti strategi penyelesaian masalah dalam hikayat ini yang digunakan oleh watak Bayan sebagai teraju utama.

ANALISIS PERANCANGAN BESTARI DALAM “HIKAYAT KHOJA MAIMUN”

Dalam konteks “Hikayat Khoja Maimun”, perancangan diaplikasikan watak Bayan untuk menyelesaikan isu kecurangan Bibi Zainab (BZ). Bayan mengatur strategi dengan perancangan yang rapi agar setiap langkah dan tindakan yang diambil tidak memudaratkan dirinya, sebaliknya berupaya mempengaruhi dan melekakan Bibi Zainab. Khoja Maimun, tuan Bayan, merupakan seorang saudagar kaya dan ternama. Isterinya, iaitu Bibi Zainab (BZ) telah jatuh cinta dengan seorang anak raja yang tampan, semasa Khoja Maimun pergi berdagang, sehingga mengikat pertemuan dengan anak raja tersebut. Bertitik tolak daripada kejadian ini, maka Bayan telah menggunakan kebijaksanaannya untuk membuat perancangan demi menyelamatkan BZ daripada berlaku curang. Apatah lagi setelah Bayan menyaksikan BZ membunuh burung Tiung yang telah berterus-terang menuduh BZ melakukan perbuatan dosa dan salah di sisi agama. BZ tidak dapat menerima tuduhan dan amaran Tiung lantas membunuhnya. Situasi ini diambil ikhtibar oleh watak Bayan agar tidak senasib dengan Tiung yang bertindak terburu-buru tanpa berfikir.

Bayan berhasrat murni untuk menyelamatkan isteri tuannya dengan membuat perancangan bestari agar tindakannya menghalang BZ tidak ketara, sekali gus hasratnya tercapai. Perbincangan dimensi perancangan dalam hikayat ini diperlihatkan menerusi dimensi perancangan hari pertama, kedua, ketiga dan keempat yang dilaksanakan oleh watak Bayan selaku watak utama.

Dimensi Perancangan Hari Pertama

Bayan telah membuat perancangan bestari seperti dalam Jadual 2 apabila BZ meminta pandangan dan izinnya ketika hendak keluar bertemu anak raja.

Berdasarkan Jadual 2, Bayan telah menetapkan objektif untuk menghalang BZ daripada berjumpa anak raja dalam dimensi 1. Dalam perancangan pertama ini, Bayan membentuk 3 strategi, iaitu pujian dan sokongan-s1, membuat analogi-s2 dan bercerita-s3 dalam dimensi 2. Dalam dimensi ini, Bayan mengaplikasikan *strategi pujian dan sokongan-s1*. Strategi pujian diaplikasikan oleh Bayan dengan memuji kecantikan dan menghargai BZ seperti dalam ungkapan “Hai Siti yang mulia yang amat elok paras”. Dalam masa yang sama, Bayan menyokong tindakan BZ dengan menyuruhnya

Jadual 2 Perancangan hari pertama.

Dimensi Perancangan	Hari Pertama
Menetapkan objektif	Menghalang BZ daripada berjumpa anak raja.
Membentuk strategi	<p>Bayan <i>memuji</i> BZ yang cantik rupawan dan memberikan sokongan dengan menyuruh BZ pergi pada awalnya.</p> <p>Bayan mengumpamkan BZ dengan memberikan <i>analogi</i> bahawa dirinya seperti Bayan dalam Hikayat Bayan yang dicabut bulunya oleh isteri saudagar. HKM-P1s2-H76</p> <p>BZ meminta Bayan <i>menghikayatkan</i> <i>Hikayat Bayan</i>, iaitu kisah Bayan yang bulunya dicabut oleh isteri seorang saudagar Istanbul. BZ terleka sehingga fajar pun terbit, akhirnya BZ tidak jadi pergi berjumpa kekasihnya. HK-/P1s3-H80</p>
Kajian semula strategi	Bayan mendapati strategi memuji dan memberi sokongan, membuat analogi dan berhikayat yang diaplikasinya berkesan kerana BZ terleka dan asyik mendengar ceritanya.
Memilih strategi	Pujian dan sokongan-s1 Membuat analogi-s2 Berhikayat/bercerita-s3
Pencapaian objektif	Objektif Bayan tercapai pada hari pertama apabila BZ membatalkan niatnya untuk berjumpa kekasihnya, iaitu seorang anak raja pada hari tersebut.

pergi berjumpa anak raja pada awalnya supaya BZ tidak dimarahi oleh anak raja kerana sudah berjanji seperti dalam ungkapan “eloklah tuan segera mendapatkan anak raja itu kerana tuan sudah berjanji dengan dia”. Strategi ini diaplikasikan dengan tujuan supaya BZ berasa senang hati dan beranggapan Bayan tidak menghalangnya seperti burung Tiung. Secara tersiratnya, Bayan tidak mahu BZ terasa hati dan berasa tersinggung jika Bayan menghalangnya. Strategi ni dapat diteliti dalam data HKM-P1s1-H75 (sila lihat Lampiran Bil. 1).

Kemudian Bayan *membuat analogi-s2* bahawa dirinya seperti Bayan dalam *Hikayat Bayan* yang dicabut bulunya oleh isteri saudagar seperti dalam ayat “Akan hamba ini adalah seperti hikayat cetera seekor Bayan yang dicabut bulunya oleh isteri saudagar”. Analogi peribadi ini dibuat dengan harapan agar BZ tertarik hati dengan umpan yang diberikan oleh

Bayan dan memintanya bercerita. Tindakan ini dapat diteliti dalam data HKM-P1s2-H76 (lihat Lampiran Bil.2) .

Bayan membuat analogi sebagai mekanisme yang halus mencuit perasaan BZ dengan menyatakan biarlah dirinya seperti Bayan yang dicabut ekor oleh isteri saudagar dalam *Hikayat Bayan*. Apabila BZ mendengar analogi peribadi Bayan, maka dia tertarik dan meminta Bayan bercerita lebih lanjut seperti dalam ayat “Hai Bayan, bagaimanakah hikayatnya? Kamu ceterakanlah kisah Bayan yang dicabut bulunya oleh isteri saudagar itu”. Peluang keemasan ini dimanfaatkan oleh Bayan untuk melalaikan BZ dengan mendengarkan ceritanya seperti dalam ayat “Jika demikian, insya-Allah Taala dapatlah perempuan ini aku perlalaikan dia”. Lanjutan itu, Bayan *bercerita-s3* sehingga fajar terbit dan BZ menjadi lalai dan alpa sehingga tidak jadi berjumpa kekasihnya. Strategi bercerita ini terdapat dalam data HKM-P1s3-H80 (lihat Lampiran Bil. 3).

Dalam dimensi 3, Bayan membuat kajian semula terhadap strategi pujian, analogi dan bercerita yang telah dibentuk dan diaplikasikannya dalam dimensi 2. Strategi yang dilaksanakan oleh Bayan berkesan melekakan BZ daripada berjumpa kekasihnya, anak raja itu sehingga BZ tidak sedar fajar sudah terbit. Dalam dimensi 4, Bayan telah memilih strategi pujian, membuat analogi dan teknik bercerita untuk menghalang BZ daripada menemui kekasihnya pada malam pertama. Objektif Bayan tercapai apabila BZ Berjaya dihalang berjumpa kekasihnya seperti dalam dimensi 5.

Dimensi Perancangan Hari Kedua

Seterusnya, pada hari kedua, BZ bertemu semula dengan Bayan sebelum keluar berjumpa kekasihnya. Bayan memasang strateginya lagi agar dapat menyelamatkan BZ seperti dalam Jadual 3.

Berdasarkan Jadual 3, Bayan membuat perancangan dengan menetapkan objektif dalam dimensi 1 untuk menghalang BZ daripada berjumpa anak raja seperti hari pertama. Dalam perancangan dimensi 2, Bayan membentuk tiga strategi dan mengaplikasikan strategi yang sama, iaitu pujian dan sokongan-s1 membuat analogi-s2 dan bercerita-s3 dalam dimensi 2. Bayan menggunakan strategi *pujian-s1* terlebih dahulu kepada BZ apabila BZ berjumpanya. Bayan memuji kecantikan dan keelokan paras wajah BZ dengan ungkapan “amat baik paras” dan mengangkat martabat BZ sebagai orang yang mulia dengan penggunaan ganti nama “Siti yang mulia”. Pujian dan penghargaan ini mampu membuat BZ gembira dan senang hati. Hakikatnya, pujian yang digunakan oleh Bayan dapat mengasyikkan hati seseorang kerana lazimnya

Jadual 3 Perancangan hari kedua.

Dimensi Perancangan	Hari Pertama
Menetapkan objektif	Menghalang BZ daripada berjumpa anak raja..
Membentuk strategi	Bayan <i>memuji</i> BZ dengan kata-kata yang indah dan <i>memberi sokongan</i> dengan menyatakan rasa bersalahnya kerana BZ tidak sempat berjumpa kekasih hati ketika BZ datang meminta izin untuk keluar berjumpa anak raja. HKM-P2s1-H80
	Bayan mengumpam BZ dengan membuat <i>analogi</i> bahawa dirinya mahu berbakti seperti Taif yang setia berkhidmat untuk Raja Tabristan dalam Hikayat Taif. Bayan turut berduka jika BZ berduka sebagai tanda kebaktiannya. HKM-P2s2-H80
	Bayan pun <i>bercerita</i> apabila BZ memintanya bercerita tentang Hikayat Taif tersebut. Apabila hikayat tamat, maka hari pun siang dan BZ tidak jadi berjumpa kekasihnya. HKM-P2s3-H80
Kajian semula strategi	Bayan mendapati strategi memuji dan memberi sokongan, membuat analogi dan berhikayat berkesan kerana dapat membuat BZ terleka buat kali kedua.
Memilih strategi	Pujian dan sokongan-s1 Analogi-s2 Bercerita/berhikayat-s3
Pencapaian objektif	Bayan berjaya menyelamatkan BZ daripada bertemu dengan kekasih hatinya.

insan suka dipuji. Strategi pujian ini disertai dengan luahan perasaan bersalah Bayan seperti ungkapan “maka jadi gementarlah segala anggota dan rasa dada hamba pun seperti akan belah”. Luahan ini menandakan Bayan kesal dan bersalah kerana BZ belum dapat berjumpa kekasih hatinya. Tindakan ini diambil dengan tujuan agar hubungan antara mereka bebas konflik sekali gus menyembunyikan syak wasangka BZ terhadap rancangan Bayan. Strategi ini terdapat dalam data HKM-P2s1-H80 (lihat Lampiran Bil. 4).

Seterusnya, Bayan *menganalogikan-s2* dirinya seperti Taif dalam “Hikayat Taif” yang sanggup berbakti dengan berkongsi kedukaan BZ sebagai tanda sokongannya. Bayan menyatakan kedukaannya dan kesanggupannya berkongsi perasaan duka BZ dalam “ungkapan dukalah kepada hati hamba kerana kedukaan tuan itu juga kedukaan hamba adanya”. Walau bagaimanapun,

Bayan bertindak pantas dengan menganalogikan dirinya seperti Taif yang berbakti kepada Raja Tabristan seperti dalam ungkapan “Tidakkah tuan mendengar “Hikayat Taif” tatkala ia menunjukkan kebaktiannya kepada Raja Tabristan itu”. Analogi ini digunakan Bayan untuk memancing BZ lagi agar mendengar ceritanya. Strategi ini terdapat dalam data HKM-P2s2-H80 (lihat Lampiran Bil. 5).

Kebijaksanaan Bayan menganalogikan dirinya dengan *Hikayat Taif* menarik minat BZ, apabila BZ meminta Bayan *bercerita-s3*, maka strategi ini diaplikasikan oleh Bayan sehingga membuatkan BZ leka dan alpa mendengar ceritanya. Analogi Bayan berkesan sehingga BZ memintanya bercerita seperti dalam data HKM-P2s3-H80 (lihat Lampiran Bil. 6).

Dalam dimensi 3, iaitu kajian semula strategi yang terbentuk, Bayan mendapati strategi yang diaplikasikannya dapat menyelesaikan masalah kerana BZ terleka buat kali kedua. Dalam dimensi 4, ketiga-tiga strategi telah dipilih oleh Bayan. Akhirnya, objektif tercapai seperti dalam dimensi 5, iaitu Bayan berjaya menghalang BZ daripada bertemu dengan kekasih hatinya buat kali kedua.

Dimensi Perancangan Hari Ketiga

Pada hari berikutnya, BZ bersiap-siap, dan bertemu lagi dengan Bayan untuk meminta pendapat Bayan tentang penampilannya sebelum berjumpa kekasihnya. Bayan mengukuhkan strateginya agar dapat menyelamatkan BZ seperti dalam Jadual 4.

Berdasarkan Jadual 4, Bayan telah menetapkan objektif, iaitu bertekad untuk menyelamatkan rumah tangga BZ agar tidak berjumpa anak raja seperti dalam dimensi 1. Oleh itu, dalam dimensi 2 Bayan membentuk dan mengaplikasikan empat strategi, iaitu strategi pertanyaan-s1, kritikan dan sokongan-s2, menarik perhatian-s3 dan bercerita-s4. Strategi *pertanyaan-s1* diaplikasikan dengan bertanya seolah-olah tidak tahu bahawa BZ belum dapat berjumpa kekasihnya seperti dalam ayat “Belumkah tuan hamba bertemu laki-laki itu?” “Belum” kata BZ. Bayan berpura-pura bertanya kepada BZ agar perancangan bestarinya tidak dihidu BZ. Penelitiannya terdapat dalam data HKM-P3s1-H84 (lihat Lampiran Bil. 7).

Seterusnya, Bayan mengkritik dan menyokong-s2 BZ dengan menyatakan BZ tidak bijak kerana BZ belum bertemu kekasihnya itu akibat leka mendengar ceritanya seperti dalam ayat “Terlalu sangat bebalnya tuan ini maka tiada mahu bertemu dengan anak raja itu”. “Bebal” bermaksud bodoh, bersifat bebal atau kedunguan seperti berdasarkan *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2007).

Jadual 4 Perancangan hari ketiga.

Dimensi Perancangan	Hari Pertama
Menetapkan objektif	Menyelamatkan rumah tangga BZ.
Membentuk strategi	Bayan <i>bertanya</i> kepada BZ yang berpakaian dan berhias dengan indah itu meminta pendapat Bayan untuk keluar berjumpa kekasihnya. HKM-P3s1-H84
	Bayan <i>membuat kritikan</i> dengan menyatakan BZ kurang bijak kerana BZ belum bertemu kekasihnya itu akibat leka mendengar ceritanya sebelum itu. Bayan <i>berpura-pura menyokong</i> sebagai tanda sokongannya agar BZ pergi berjumpa anak raja. HKM-P3s2-H84
	3.Bayan <i>menarik perhatian</i> BZ dengan hikayat seorang perempuan yang bijaksana tetapi dicemburui suami. BZ terpesona dan meminta Bayan berhikayat. HKM-P3s3-H84
	Bayan pun <i>bercerita</i> apabila BZ memintanya bercerita tentang hikayat perempuan tersebut walaupun pada mulanya berpura-pura tidak mahu bercerita kerana tidak mahu menangguhkan pertemuan BZ dengan kekasihnya. Apabila hikayat tamat, maka hari pun siang. HKM-P3s4-H84
Kajian semula strategi	Bayan mengaplikasikan strategi dengan bertanya, membuat kritikan dan memberikan sokongan, menarik perhatian dan bercerita bagi menghalang BZ berjumpa kekasih hatinya.
Memilih strategi	Pertanyaan-s1 Membuat kritikan dan sokongan-s2 Menarik perhatian-s3 Bercerita-s4
Pencapaian objektif	Bayan dapat menyelamatkan rumah tangga BZ.

Secara tersirat, Bayan memberanikan dirinya dengan membuat kritikan sebagai helah Bayan supaya motifnya untuk menghalang BZ tidak ketara. Oleh itu, Bayan seolah-olah menunjukkan perasaan geram dan marahnya kepada BZ dengan mengatakan BZ “sangat bebal” kerana belum lagi berjumpa anak raja. Bayan tidak mahu menjadi seperti Tiung yang bermulut celopar, akhirnya

membawa padah. Pada masa yang sama Bayan berpura-pura menyokong selepas mengkritik sebagai tanda sokongannya agar BZ pergi berjumpa anak raja seperti dalam ayat “Pada bicara hamba baik juga tuan segera pergi”. Sokongan ini menandakan keprihatinan Bayan kepada BZ selain sebagai helah agar BZ tidak mengesyaki perancangannya yang sebenar. Strategi ini terdapat dalam data HKM-P3s2-H84 (lihat Lampiran Bil. 8).

Bayan terus menggunakan strategi *menarik perhatian-s3* BZ dengan hikayat seorang perempuan yang bijaksana tetapi dicemburui suami dalam ungkapan “Tiadakah tuan mendengar hikayat seorang perempuan bijaksana, tetapi suaminya terlalu amat cemburuan”. Bayan mengumpan BZ untuk mendengar lagi hikayat dengan harapan BZ memintanya terus bercerita. Strategi ini terdapat dalam data HKM-P3s4-H84 (lihat Lampiran Bil. 9).

Selanjutnya, BZ termakan dengan umpan Bayan dan meminta Bayan *bercerita-s4* seperti dalam ayat “Betapa hikayatnya itu ceterakanlah olehmu ini supaya aku dengar”. Bayan memasang helah lagi dengan berpura-pura tidak mahu bercerita kerana tidak mahu menangguhkan pertemuan BZ dengan kekasihnya dalam ungkapan “Tiadalah hamba mahu berhikayat akan dia: seolah-olah menangguhkan tuan dengan hikayat ini … ”. Tambahan pula Bayan tidak mahu dituduh jahat atau durjana seperti dalam ungkapan “menjadi durjanalah hamba kepada tuan” akibat menghalang hasrat BZ untuk berjumpa kekasihnya. Walau bagaimanapun, rayuan BZ dalam ayat “Hai handaiku Bayan, tiadakah engkau kasihankanku?” Peluang ini yang memang dinanti-nantikan oleh Bayan untuk melancarkan perancangan bestarinya dengan berhikayat. Strategi ini terdapat dalam data HKM-P3s4-H84 (lihat Lampiran Bil. 10).

Apabila hikayat tamat, maka hari pun siang. (BZ dihalang lagi untuk berjumpa kekasihnya). Dalam perancangan hari ketiga ini, Bayan telah menggugurkan strategi pujian dan membuat analogi tetapi menggantikannya dengan strategi pertanyaan, kritikan dan sokongan dan menarik perhatian. Strategi bercerita tetap kekal dalam dimensi 2 ini.

Pengguguran dan penggantian strategi dilakukan oleh Bayan dalam perancangan hari ketiga ini bertujuan untuk mengukuhkan lagi objektifnya agar dapat menyelamatkan BZ selain menginterpretasikan teknik berfikir yang fleksibel dan dinamik. Penggantian strategi ini dapat mengelak syak-wasangka BZ tentang hasrat Bayan untuk menyelamatkan rumah tangganya. Tindakan ini juga dapat menyelamatkan Bayan daripada tuduhan menghalang BZ untuk berkasih-kasihan dengan anak raja sekali gus tidak menerima nasib malang seperti Tiung. Perbincangan ini memperlihatkan bahawa

Bayan sentiasa berfikir untuk merangka dan mencari strategi yang lebih efektif dengan tidak mengulangi strategi yang sama dalam perancangan hari pertama dan kedua secara 100 peratus agar BZ tidak mengesyaki tindakannya. Jika disorot, Bayan telah membuat penambahbaikan strategi penyelesaian masalah dalam perancangan ketiga ini walaupun strategi perancangan hari pertama dan kedua sudah berjaya. Tindakan ini juga menunjukkan bahawa Bayan sentiasa berfikir dengan mengambil kira situasi sedia ada, kritis, logik dan kreatif agar perancangannya berjalan lancar dan tidak dapat dihindu oleh BZ. Seandainya BZ dapat menelah perancangan Bayan, kemungkinan Bayan mengalami nasib yang sama dengan Tiung. Dimensi 3 menunjukkan berlakunya kajian semula terhadap strategi yang terbentuk dan didapatinya cara ini berkesan. Oleh itu, strategi pertanyaan, membuat kritikan dan sokongan, menarik perhatian dan bercerita dipilih seperti dalam dimensi 4. Akhirnya, objektif Bayan untuk menyelamatkan rumah tangga BZ tercapai buat kali ketiga.

Dimensi Perancangan Hari Keempat

Selanjutnya, BZ yang tidak berputus asa untuk berjumpa kekasihnya telah menemui Bayan semula setelah bersiap-siap tanpa mengetahui bahawa Bayan juga tidak berputus asa untuk menghalang Bibi Zainab dengan strategi yang lebih efisien. Perancangan Bayan pada hari keempat terdapat dalam Jadual 5.

Berdasarkan Jadual 5, Bayan merancang strategi dengan menetapkan objektif dalam dimensi 1 untuk menyelamatkan rumah tangga dan menghindari BZ daripada curang kepada suaminya Khoja Maimun. Dalam perancangan dimensi 2 hari keempat ini Bayan membentuk dan mengaplikasikan tiga strategi, iaitu menasihat-s1, menarik perhatian-s2 dan bercerita-s3. Bayan *menasihat-s1* BZ dalam perancangan hari keempat apabila BZ memberitahu bahawa dia hendak keluar berjumpa kekasihnya setelah berhias dengan pakaian yang indah seperti dalam ayat “Maka tuan terlalu sangat khilaf pada memakai pakian yang tidak layak dipakai, kerana emas dan perak itu adakalanya menjadi fitnah, siapa tahunya kalau terlihat kepada anak raja itu, maka inginlah ia akan pakaian tuan ini, didendamkan tuan lalu mahukan pakaian ini”. Bayan menasihati dan menegur BZ yang berpakaian mahal emas dan perak yang boleh mengundang fitnah dan keadaan menjadi lebih parah apabila anak raja itu menginginkan pakaian BZ. Seterusnya, Bayan mengingatkannya bahawa jika Khoja Maimun melihat pakaian itu ada pada anak raja, sudah pasti BZ dibunuuhnya seperti dalam ayat “Jika tuan laki-laki datang kelak, maka ditanya akan pakaian ini apa juga jawab tuan? Pakaian

Jadual 5 Perancangan hari keempat.

Dimensi Perancangan	Hari Pertama
Menetapkan objektif	Menyelamatkan rumah tangga dan menghindar BZ daripada curang kepada suaminya Khoja Maimun.
Membentuk strategi	Bayan <i>bertanya</i> kepada BZ yang berpakaian dan berhias dengan indah itu meminta pendapat Bayan untuk keluar berjumpa kekasihnya. HKM-P3s1-H84
	Bayan <i>menasihati</i> BZ agar tidak berpakaian mahal dengan perhiasan emas. Bayan berpura-pura menyatakan pakaian mahal itu akan menjadi fitnah jika anak raja juga menginginkannya daripada BZ. Bayan mereka cerita keronnya BZ akan dibunuh jika Khoja Maimun melihat anak raja itu memakai pakaian perhiasan emas kepunyaan BZ dan Bayan akhirnya kehilangan kawan. HKM-P4s1-H94
	Bayan <i>membuat analogi</i> antara dirinya dengan BZ agar tidak menjadi seperti kejadian yang berlaku dalam <i>Hikayat Serimala dan Pandai Emas</i> sebagai umpan untuk melekakan BZ. HKM-P4s2-H94
	Bayan <i>bercerita</i> kepada BZ setelah BZ meminta Bayan berhikayat tentang Hikayat Serimala dan Pandai Emas. Akhirnya, BZ insaf dan mahu wanita mengambil ikhtibar daripada cerita tersebut. HKM-P4s3-H94
Kajian semula strategi	Bayan mendapati strategi menasihat, menarik perhatian dan bercerita berkesan kerana bukan sahaja dapat melekakan BZ buat kali keempat daripada berjumpa kekasih hatinya, malahan menginsafkannya agar berbakti kepada suami.
Memilih strategi	Menasihat-s1 Analogi-s2 Bercerita -s3
Pencapaian objektif	Bayan berjaya menyelamatkan rumah tangga, maruah dan menghindar BZ daripada berlaku curang.

itu dilihatnya pula dipakai oleh anak raja itu. Matilah tuan dibunuhnya ...” . Peringatan ini sebagai alternatif untuk Bayan menyampaikan nasihatnya agar BZ dapat memikirkan secara logik peringatan tersebut. Walau bagaimanapun, Bayan mengambil hati BZ pada akhir nasihatnya dengan menyatakan bahawa dia akan kehilangan sahabat jika BZ mati dibunuh seperti dalam ungkapan

“hamba pun tidaklah berkawan lagi”. Tindakan ini memanifestasikan sikap setia Bayan kepada BZ dan tidak mahu kehilangannya sebagai sahabat. Strategi ini terdapat dalam data HKM-P4s1-H94 (lihat Lampiran Bil. 11).

Nasihat ini merupakan strategi baharu yang bentuk oleh Bayan setelah BZ meminta kebenarannya untuk berjumpa anak raja buat kali keempat. Bayan tidak lagi menggunakan strategi pujian seperti pada hari pertama dan kedua. Tindakan ini menunjukkan bahawa Bayan sentiasa memikirkan strategi efektif secara berterusan dengan membuat penambahbaikan. Strategi nasihat yang dibentuk dan diaplikasikan oleh Bayan merupakan klimaks kerana Bayan harus memainkan peranannya secara optimis dan tegas pada hari yang keempat dengan harapan agar BZ tidak meneruskan kecurangannya. Nasihat yang disampaikan oleh Bayan pula berbentuk andaian dan kiasan menerusi penggunaan kata *kalau*, *kalaulah* seperti dalam ungkapan “kalau terlihat kepada anak raja itu, kalaulah tuan berikan” dan penggunaan kata *jika* dalam ungkapan “Jika tuan laki-laki datang kelak”. Penggunaan andaian dengan kata “*kalau*” dan “*jika*” ini menjadikan nasihat lebih halus serta lembut, dan tidak terlalu membebangkan perasaan BZ.

Walau bagaimanapun, Bayan menggunakan semula strategi analogi peribadi yang telah digugurkannya dalam perancangan hari kedua. Bayan membuat analogi-s2 antara dirinya dengan BZ agar tidak menjadi seperti kejadian yang berlaku dalam “Hikayat Serimala dan Pandai Emas” sebagai umpan untuk melekakan BZ, seperti dalam ayat “Tidakkah tuan mendengar Hikayat Serimala dan Pandai Emas? Bukankah dari sebab emas daripada bersahabat menjadi bercerai?”. Bayan menganalogikan perhubungan persahabatan antara dirinya dengan BZ agar tidak menjadi seperti kejadian dalam hikayat berkenaan. Emas menjadi punca perpecahan dan persengketaan. Analogi peribadi ini menjadi batu loncatan kepada Bayan bagi menarik perhatian BZ agar memintanya berhikayat. Strategi ini terdapat dalam data HKM-P4s2-H94 (lihat Lampiran Bil. 12).

Perancangan Bayan dengan membuat analogi telah berjaya menarik minat BZ apabila BZ meminta Bayan bercerita. Strategi *bercerita-s3* diaplikasikan oleh Bayan apabila BZ meminta Bayan bercerita seperti dalam ayat “Betapakah hikayatnya, engkau berhikayatlah supaya aku dengar”. Peluang inilah yang diharap-harapkan oleh Bayan agar dapat melekakan BZ dengan ceritanya. Bayan mendapati BZ insaf dengan sendirinya berdasarkan ayat “Supaya segala yang mendengar hikayat handaiku itu mengambil kias ibarat atas perempuan yang hendak berbuat demikian kepada suaminya itu dunia akhirat beroleh kebajikan”. BZ mengharapkan sesiapa yang mendengar

cerita sahabatnya Bayan akan dapat mengambil ikhtibar dan pengajaran dengan tidak melanggar etika sebagai seorang isteri dengan berlaku curang, sebaliknya berbakti kepada suami. Strategi ini terdapat dalam data HKM-P4s3-H94 (lihat Lampiran Bil. 13).

Dalam dimensi 3, iaitu kajian semula strategi, Bayan mendapati strategi yang terbentuk dan diaplikasikannya dapat menyelesaikan masalah moral yang melibatkan isteri tuannya kerana BZ menunjukkan keinsafan dan mengambil ikhtibar daripada nasihat dan cerita-cerita Bayan. Dalam dimensi 4, ketiga-tiga strategi yang terbentuk dipilih dan diaplikasikan oleh Bayan. Bayan memilih dan mengekalkan dua strategi berdasarkan empat perancangannya pada hari keempat, iaitu bercerita dan analogi selain menambah strategi baharu, iaitu nasihat. Akhirnya, objektif tercapai seperti dalam dimensi 5. Bayan berjaya menyelamatkan rumah tangga, maruah dan menghindarkan BZ daripada berlaku curang, sekali gus dapat berbakti kepada tuannya Khoja Maimun.

IMPAK PERANCANGAN BERDASARKAN MDP

Berdasarkan perbincangan analisis, dapatan kajian ini memperlihatkan perancangan bestari Bayan menerusi pembentukan strategi penyelesaian masalah yang bervariasi bagi mengatasi masalah moral watak BZ dalam “Hikayat Khoja Maimun”. Rumusannya seperti dalam Jadual 6.

Berdasarkan Jadual 6, didapati strategi yang terbentuk dan diaplikasikan oleh Bayan dalam penyelesaian masalah moral watak BZ adalah bervariasi. Strategi penyelesaian masalah bagi mencapai objektif ialah pujian dan sokongan, membuat analogi, bercerita atau berhikayat, pertanyaan, membuat

Jadual 6 Rumusan perancangan.

Ekstrak Hikayat Khoja Maimun	Aplikasi Strategi Penyelesaian Masalah
Dimensi	Pujian dan sokongan
Perancangan Hari Pertama	Analogi
Pertama	Bercerita
Demensi	Pujian dan sokongan
Perancangan Hari	Analogi
Kedua	Bercerita
Perancangan Hari	Membuat kritikan dan sokongan
Ketiga	Menarik perhatian bercerita

kritikan, menarik perhatian dan nasihat. Strategi *pujian dan sokongan* memiliki keistimewaannya yang tersendiri dalam penyelesaian sesuatu masalah. Apabila pujian dan sokongan diberikan kepada seseorang, maka orang yang mendengar berasa senang dan hubungan menjadi harmoni kerana secara lazimnya setiap orang suka menerima pujian. Impaknya, perancangan seterusnya dapat disusun dan direncanakan dengan sistematik. Abdul Mua'ti @Zamri Ahmad (2001, p. 37) menyatakan bahawa pujian yang ikhlas akan menjadi pendorong kepada pihak yang dipuji untuk meneruskan perbuatan baik, dan merupakan petanda bahawa kita menghargai apa-apa yang mereka lakukan. Berdasarkan prinsip Leech (1993) pula ketiadaan strategi pujian ini akan mengimplikasikan cacian walaupun harus dilakukan secara berpada, sementara Abdullah dan Ainon (1999, p. 7) menegaskan bahawa komunikasi yang mencerminkan penghargaan perlu mengandungi pujian dan sanjungan. Dalam analisis ini, strategi pujian dan sokongan membantu Bayan menyelesaikan masalah moral sekali gus mencapai objektif yang ditetapkan. Pengaplikasian strategi ini menginterpretasikan pemikiran masyarakat tradisi yang sentiasa menyanjung tinggi dan menghargai individu dan menjaga nilai budi penting dalam proses sosialisasi dan sosiobudaya masyarakat.

Strategi perancangan dengan menggunakan teknik analogi peribadi pula diaplikasikan oleh Bayan sebanyak tiga kali daripada empat rancangannya. Teknik ini menghendaki seseorang mengiaskan masalah yang ada dengan perkara yang lain atau cerita lain seperti yang dilakukan oleh watak Bayan. Abdullah dan Ainon (1999) dalam diskusi teknik berfikir menegaskan bahawa analogi peribadi dapat menerbitkan idea yang kreatif dan baharu bagi menyelesaikan sesuatu isu. Teknik ini merupakan strategi secara tidak langsung halus, ibarat menarik rambut dalam tepung, rambut tidak putus tepung tidak berselerak. Dapatkan ini memperlihatkan bahawa pembentukan idea kreatif dan baharu ini menyumbang kepada penyelesaian isu moral dan etika dalam masyarakat.

Strategi *kritikan dan sokongan* pula bertujuan mengambil hati BZ agar tidak menaruh syak wasangka terhadap perancangan Bayan yang hendak menghalang BZ keluar berjumpa kekasih hatinya. Strategi ini dibentuk sebagai helah untuk mengaburi mata BZ agar perancangan Bayan berjalan lancar dan tidak menimbulkan kemarahan BZ. Kelazimannya, kritikan dimomokkan sebagai komen yang negatif, tetapi dalam hikayat ini kritikan bersifat positif. Pembentukan strategi ini turut menginterpretasikan penyelesaian masalah secara halus, fleksibel dan dinamik dalam diri watak Bayan sehingga misi dan visinya menyelamatkan rumah tangga Khoja Maimun berjaya.

Strategi menarik perhatian pula dibentuk dan diaplikasikan agar seseorang dapat dipengaruhi dan kesan strategi perancangan dapat diteruskan dan tidak tergendala seperti yang dirancangkan oleh watak Bayan. BZ tertarik dengan cerita-cerita Bayan dalam analoginya untuk mempengaruhi BZ agar mendengar hikayatnya sehingga terleka dan asyik. *Nasihat* pula merupakan strategi yang signifikan untuk menginsafkan seseorang daripada terus melakukan perbuatan yang melanggar etika dan moral. Bayan membentuk strategi ini apabila BZ tidak berputus asa untuk berjumpa kekasih hatinya buat kali keempat. Tindakan Bayan membentuk strategi ini merupakan penambahbaikan yang dilakukan sekali gus berjaya menyedarkan BZ. Penambahbaikan strategi ini menginterpretasikan sikap optimis dan bijaksana Bayan untuk menyelamatkan BZ daripada berlaku curang dan menyelamatkan rumah tangga tuannya. Walaupun adakalanya individu tidak suka dinasihati, tetapi nasihat yang ikhlas dengan niat yang luhur pasti membekas di hati pendengar sehingga mereka mengambil ikhtibar. Situasi ini bertepatan dengan perkongsian Tenas Effendi (2011, p. 30) bahawa nasihat hendaklah disampaikan dengan baik, telus ikhlas agar mendatangkan faedah dan kebajikan. Nasihat yang disampaikan oleh Bayan meninggalkan bekas yang mendalam di hati BZ sehingga menyedarkannya. Tambahan pula, nasihat yang disampaikan oleh Bayan berbentuk andaian mencerminkan kehalusan budi bahasa dan budi pekerti masyarakat tradisi. Tindakan ini juga tidak membebankan perasaan individu yang mendengar. Pendengar dapat menerima dengan hati terbuka.

Strategi *bercerita* atau *berhikayat* pula diaplikasikan oleh Bayan dalam keempat-empat hari dimensi perancangannya dalam usaha mencapai objektif untuk menyelamatkan maruah dan rumah tangga tuannya. Teknik bercerita memperlihatkan fungsi menghiburkan, menambat hati, mengasyikkan, membina hubungan keinsanan, menjadi alat berfikir dalam penyelesaian masalah dan mampu mengubah minda secara positif. Strategi ini terbukti efektif apabila BZ tertarik, menjadi insaf dan mengambil ikhtibar daripada cerita-cerita Bayan yang telah dianggapnya sebagai kawan atau sahabat, sehingga membatalkan pertemuan dengan kekasihnya.

KESIMPULAN

Model prinsip perancangan dalam pendekatan pengurusan oleh Mohamad Mokhtar diaplikasikan sebagai landasan analisis menerusi dimensi perancangan yang digunakan oleh Bayan menampakkan perancangan bestari mencapai objektifnya dalam “Hikayat Khoja Maimun”. Bayan berupaya menghalang BZ daripada berlaku curang dengan strategi penyelesaian masalah yang

efektif, terurus, sistematik, logik, pantas dan kritis dalam keempat-empat hari perancangan menginterpretasi berlakunya proses pemikiran tinggi dalam “Hikayat Khoja Maimun”. Strategi penyelesaian masalah yang bervariasi dalam dapatan analisis memperlihatkan bahawa proses metakognitif sentiasa berlaku dalam operasi minda watak Bayan agar dapat menyelesaikan isu moral yang bersangkutan dengan isteri tuannya. Oleh itu, MDP yang diaplikasikan sebagai landasan atau asas analisis amat relevan dan bertepatan dengan inisiatif untuk membudayakan perancangan bestari untuk menyelesaikan isu dalam konteks moral dan etika dalam kehidupan seperti paparannya dalam sastera klasik, iaitu “Hikayat Khoja Maimun”. Strategi yang terbentuk berdasarkan analisis ialah pujian dan sokongan, teknik analogi peribadi, bercerita atau berhikayat, pertanyaan, membuat kritikan dan sokongan, menarik perhatian dan memberikan nasihat. Berdasarkan analisis didapati prinsip perancangan amat relevan dan signifikan untuk merungkaikan strategi penyelesaian masalah khususnya yang bersangkutan dengan isu moral dan etika.

“Hikayat Khoja Maimun” yang dipilih sebagai bahan Komsas dan mewakili prosa tradisional dalam *Antologi Harga Remaja* telah memperlihatkan pengaplikasian prinsip perancangan kerana wujudnya elemen ini yang dapat diteliti melalui dimensi yang terbentuk hasil daripada kebijaksanaan yang dijelmakan oleh penceritanya berdasarkan kebijaksanaan watak Bayan. Tuntasnya, kita dapat membudayakan perancangan yang sistematis lagi bestari tanpa mengabaikan dan meminggirkan warisan tradisi dan nilai-nilai glokal yang mampu melonjakkan jati diri dan memperkasakan tamadun bangsa di persada antarabangsa.

NOTA

1. Analisis dimensi perancangan diaplikasikan secara mendalam berdasarkan struktur teks, iaitu watak perwatakan, latar, persoalan, nilai, peristiwa dan pemikiran tersirat yang terdapat dalam cerita-cerita rakyat tersebut.
2. Tradisi lisan telah mengalami perubahan kesan perubahan masa dan zaman. Impaknya, hasil-hasil sastera lisan telah dibukukan dan menerima perubahan dalam bentuk bertulis. Mohd. Taib Osman (1967) menyatakan bahawa sungguhpun masyarakat telah mengamalkan sistem tulisan, namun tradisi lisan tetap hidup di dalamnya.
3. Prinsip pengorganisasian dan prinsip penstafan dalam pendekatan pengurusan turut dikupas oleh Mohamad Mokhtar Abu Hassan berdasarkan cerpen yang bertajuk “Di Sebalik Tirai Makna” karya Abang Median Abang Said. Perbincangan dalam kajian ini mendapati terdapatnya kekuatan dan kelemahan ketua pentadbir dalam pengurusan sesebuah organisasi. Pentadbir gagal mencapai matlamat organisasi kerana berlakunya polemik dan krisis dalam di bawah pentadbiran beliau. Pengurusan organisasi menjadi tidak kuat dan mantap apabila krisis tidak dapat ditangani oleh seorang pentadbir dengan pengurusan yang sistematis.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan & Ainon Ahmad. (1999). *Komunikasi untuk guru*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad. (2001). *Santun komunikasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anderson, L. W., & Krathwohl D. R. (eds.) (2001). *A taxonomy for learning, teaching, and assessing: a revision of Bloom's Taxonomy of educational objectives*. New York: Longman.
- Antologi harga remaja*. (2009). Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azman Che Omar. (2003). *Pengurusan di Malaysia dari perspektif Islam*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Azman Ismail. (1999). *Sastera Tradisi Teras Sastera Moden*. http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=1999&dt=0908&pub=Utusan_Malaysia&sec=Gaya_Hidup&pg=ls_03.htm#ixzz4jHpAGxNa – [08 September 1999]
- Biggs & Collis. (1982). *Evaluating the quality of learning: the solo taxonomy*. New York: Academic Press.
- Costa, Arthur L. & Hallick, Bena. (2000). *Habits of mind: Developmental series*. New York: Harper Collin Publishers.
- De Bono, E. (1986). *Six thinking hats*. London: Little, Brown and Company.
- Leech, Geoffrey. (1993). *Prinsip pragmatik*. (Terjemahan Azhar M. Simin. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Mokhtar Abu Hassan. (2013). “Pendekatan Pengurusan: Satu Metode dalam Kritikan Sastera”, Kertas Kerja Himpunan Ilmuwan Sastera Melayu Malaysia Kedua anjuran Universiti Perguruan Sultan Idris pada 4-5 Oktober di Dewan Besar Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim.
- Mohamad Mokhtar Abu Hassan. (2016). “Pendekatan Kesusasteraan Dalam Kritikan Kesusasteraan,” Syarahan Perdana anjuran Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya pada 4 Ogos di Dewan Semarak Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Mohamad Zuber Ismail and Mohamad Mokhtar Abu Hassan. (2014a). Prinsip perancangan: Penelitian berdasarkan cerita-cerita rakyat. Bridging The Unbridgeable Proceeding, International Conference in Commemoration of the 50th Anniversary anjuran Jabatan Pengajian Melayu-Indonesia Universiti Hankuk pada 14-16 Mei di Hankuk University of Foreign Studies Seoul, Korea Selatan.
- Mohamad Zuber Ismail, Sara Beden & Mohamad Mokhtar Abu Hasan. (2014b). Keintelektualan pemikiran Melayu dalam cerita lipur lara. *The Journal of Business and Social Development* 3(2), 1-16.

- Mohamad Zuber Ismail, Sara Beden & Mohamad Mokhtar Abu Hasan. (2015). *Hikayat Awang Sulung Merah Muda* dari perspektif pendekatan pengurusan. *Jurnal Pengajian Melayu* 26, 95-116.
- Muhd Norizam Jamian and Shaiful Bahri Md Radzi. (2015). Kesuasteraan Melayu tradisional sebagai wadah komunikasi massa: Suatu analisis. *Jurnal Komunikasi (Malaysian Journal of Communication)* 31(2), 183-194.
- Rahim Abdullah. (1988). *Asas pengurusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Sara Beden. (Januari 2015). Prinsip perancangan dalam “Hikayat Khoja Maimun”. *Pelita Bahasa* 24-27.
- Sara Beden. (2017). “Budaya perancangan dalam cerita penglipur lara: Analisis berdasarkan ‘Hikayat Khoja Maimun’”. Kertas Kerja Seminar Terjemahan Bahasa Dan Budaya Melayu-China 2017 Anjuran Universiti Sains Malaysia dan Universiti Guangdong Foreign Studies pada 13-14 Mei di Universiti Guangdong, Guangzhou China.
- Syed Abdullah Syed Sulaiman. (2012). Tradisi lisan: Satu penilaian semula. Kertas Kerja dalam Festival & Seminar Kebangsaan Tradisi Lisan dan Keusahawanan Warisan anjuran Universiti Malaysia Kelantan pada 16-18 Oktober di Universiti Malaysia Kelantan, Kampus Bachok, Bachok, Kelantan.
- Tenas Effendy. (2011). *Kesantunan dan semangat Melayu*. Pekanbaru: Pemerintah Kota Pekanbaru & Tenas Effendy Foundation.
- Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali. (2014). Anjakan Paradigma Dalam Cerita Rakyat Dari Tradisi Ke Moden. Kertas Kerja Bridging The Unbridgeable Proceeding, International Conference in Commemoration of the 50th Anniversary anjuran Jabatan Pengajian Melayu-Indonesia Universiti Hankuk pada 14-16 Mei di Hankuk University of Foreign Studies Seoul, Korea Selatan.

Received: 9 January 2018

Accepted: 20 March 2018

LAMPIRAN

Petikan “Hikayat Khoja Maimun” dalam *Antologi Harga Remaja*

Bil.	Kod Data	Teks	Halaman
1.	HKM-P1s1-H75	“Hai Siti yang mulia yang amat elok paras, jikalau demikian eloklah tuan segera mendapatkan anak raja itu kerana tuan sudah berjanji dengan dia, supaya jangan kedapatan kata kepada anak raja itu kelaknya”.	75
2.	HKM-P1s2-H76	“Baiklah tuan segera pergi mendapatkan anak raja itu tetapi dengan ikhtiar juga. Akan hamba ini adalah seperti hikayat cetera seekor Bayan yang dicabut bulunya oleh isteri saudagar. Demikianlah adanya”	76
3.	HKM-P1s3-H80	“Hai Bayan, bagaimakah hikayatnya? Kamu ceterakanlah kisah Bayan yang dicabut bulunya oleh isteri saudagar itu.” Maka kata Bayan dalam hatinya, ‘Jika demikian, insya-Allah Taala dapatlah perempuan ini aku perlalaikan dia’	80
4.	HKM-P2s1-H80	“Hai Siti yang mulia lagi amat baik paras, telah hamba mendengar kalam tuan hamba yang mulia maka jadi gementarlah segala anggota dan rasa dada hamba pun seperti akan belah, oleh kerana tuan belum bertemu dengan kekasih tuan malam tadi”	80
5.	HKM-P2s2-H80	“Jikalau belum tuan bertemu menjadi dukalah kepada hati hamba kerana kedukaan tuan itu juga kedukaan hamba adanya. Tidakkah tuan mendengar Hikayat Taif tatkala ia menunjukkan kebaktiannya kepada Raja Tabristan itu”	80
6.	HKM-P2s3-H80	“Nyatakanlah hikayatnya itu supaya aku dengarkan kalau-kalau terhibur hatiku yang berahi ini”	80
7.	HKM-P3s1-H84	“Belumkah tuan hamba bertemu laki-laki itu? “Belum” kata BZ.	84
8.	HKM-P3s2-H84	“Terlalu sangat bebalnya tuan ini maka tiada mahu bertemu dengan anak raja itu. Pada bicara hamba baik juga tuan segera pergi”	84

Bil.	Kod Data	Teks	Halaman
9.	HKM-P3s4-H84	“Tiadakah tuan mendengar hikayat seorang perempuan bijaksana, tetapi suaminya terlalu amat cemburuan, daripada sangat arifnya serta tahu ia memikirkan dirinya”	84
10.	HKM-P3s4-H84	“Betapa hikayatnya itu ceterakanlah olehmu ini supaya aku dengar? “Tiadalah hamba mahu berhikayat akan dia: seolah-olah menangguhkan tuan dengan hikayat ini menjadi durjanalah hamba kepada tuan”. “ Maka kata isteri Khoja Maimun “Hai handaiku Bayan, tiadakah engkau kasihankanku?”	84
11.	HKM-P4s1-H94	“Maka tuan terlalu sangat khilaf pada memakai pakaian yang tidak layak dipakai, kerana emas dan perak itu adakalanya menjadi fitnah, siapa tahunya kalau terlihat kepada anak raja itu, maka inginlah ia akan pakaian tuan ini, didendamkan tuan lalu mahukan pakaian ini. Kalaulah tuan berikan nescaya datanglah bencana atau musykil ke atas tuan. Jika tuan laki-laki datang kelak, maka ditanya akan pakaian ini apa juga jawab tuan? Pakaian itu dilihatnya pula dipakai oleh anak raja itu. Matilah tuan dibunuuhnya dan hamba pun tidaklah berkawan lagi”.	94
12.	HKM-P4s2-H94	“Tidakkah tuan mendengar Hikayat Serimala dan Pandai Emas? Bukankah dari sebab emas daripada bersahabat menjadi berceraian”	94
13.	HKM-P4s3-H94	“Betapakah hikayatnya, engkau berhikayatlah supaya aku dengar. Betapakah peri kelakuannya handaiku! Supaya segala yang mendengar hikayat handaiku itu mengambil kias ibarat atas perempuan yang hendak berbuat demikian kepada suaminya itu dunia akhirat beroleh kebajikan?”	94